

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HMP 304 - Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Tarikh: 6 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja. Gunakan buku jawapan baru bagi tiap-tiap soalan.

1. SAMA ADA

- (a) Beberapa sarjana telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah lama bertapak di Kepulauan Melayu ini. Berikan beberapa maklumat tentang pembuktian tersebut.

ATAU

- (b) Agama Islam mungkin sudah datang ke sini sebelum abad ketiga belas, tetapi bukti sejarah yang konkret hanya didapati sejak tahun 1292, iaitu apabila Marco Polo melawat Sumatera Utara (Ismail Hussein, 1984, Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, him 25). Huraikan pendapat lain yang lebih awal daripada itu.

2. SAMA ADA

- (a) Kebanyakan bahasa di Kepulauan Melayu ini dikatakan berasal daripada satu "induk." Jika demikian halnya mengapa bahasa Melayu, bahasa Bisaya, bahasa Jawa atau bahasa Batak jauh perbezaannya?

ATAU

- (b) Perhatikan bahasa Melayu yang tertulis di batu bersurat Kedukan Bukit, Palembang yang bertarikh 683 Masehi berikut ini (terjemahannya disertakan).

daputa hiyang mayik di samvau mengalap (sidhayatra)
yang dipertuan naik di perahu mencari kesaktian

daputa hiyang marlapas dari minanga kamvar
yang dipertuan berlepas dari sungai kampar

mamawa yang vala dualaksa
membawa yang bala dualaksa

dangan koduaratus cara di samvau
dengan keduaratus cara di perahu

dangan jalan sarivu tluratus sapuludua vanyaknya
dengan jalan seribu tigaratus sepuluhdua banyaknya

datang di matayap ... datang marvuat vanua
datang di matayap ... datang membuat benua

Analisis perubahan yang berlaku di dalam bahasa Melayu seperti contoh di atas:

- i. perubahan bunyi
- ii. perubahan morfologi
- iii. perubahan sintaksis
- iv. perubahan kata/semantik

3. SAMA ADA

- (a) Bincangkan peranan sasterawan Malaysia di dalam perkembangan bahasa Malaysia sejak zaman Abdullah Munshi hingga kini.

ATAU

- (b) Berikan beberapa sebab mengapa bahasa Malaysia perlu dibakukan dan mengapa pula penerimaan sebahagian golongan masyarakat kurang menggalakkan.

4. SAMA ADA

- (a) Bahasa Melayu di Indonesia pada mulanya dituturkan oleh sebahagian kecil masyarakat Indonesia dan merupakan bahasa pasar. Mengapa bahasa Melayu yang menjadi bahasa nasional mereka dan bukan bahasa Jawa yang ramai penuturnya?

ATAU

- (b) Jelaskan pasang surut bahasa Melayu sebelum, semasa dan sesudah penjajah di Malaysia dan Indonesia.

-oooo000ooo-